

## KPDNHEP Perak rampas 264 jersi tiruan bernali hampir RM10,000

MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR

30 Jun 2019 7:20 PM



Pegawai KPDNHEP Perak melakukan pemeriksaan terhadap beberapa gerai di Gerbang Malam, Ipoh yang menjual baju jersi berjenama tiruan malam kelmarin.

**IPOH** – Sejumlah 264 helai baju jersi dan sehelai seluar berjenama terkenal tiruan pasukan bola sepak tempatan bernali RM9,438 dirampas dalam dua serbuan berasingan di Gerbang Malam dan Stadium Perak di sini pada kelmarin dan semalam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak, Khalid Tik berkata, serbuan pertama di Gerbang Malam pada pukul 9 malam kelmarin itu turut disertai empat wakil cap dagang jenama terkenal berkenaan.

“Beberapa buah premis telah diperiksa dalam serbuan pertama dan pemeriksaan mendapat terdapat peniaga yang menjual baju jersi dan seluar tiruan pasukan tempatan.

“Kita menyita sebanyak 46 helai baju jersi dan sehelai seluar berkenaan dan rampasan dianggarkan bernali RM1,520,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Khalid, dalam serbuan kedua di beberapa buah premis berhampiran Stadium Perak pada pukul 8 malam semalam pula, KPDNHEP menyita 218 helai baju jersi tiruan bernali RM7,918.

“Kesemua barang sitaan itu kini disimpan di stor eksibit KPDNHEP Perak untuk siasatan lanjut,” katanya.

“KPDNHEP memandang serius mana-mana peniaga yang menggunakan perihal dagangan palsu ke atas berangan berjenama dan tindakan tegas akan dikenakan ke atas mereka sekiranya didapati bersalah,” katanya.

Katanya, kedua-dua kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 yang boleh dihukum denda sehingga RM10,000 bagi setiap barang atau dipenjara sehingga tiga tahun jika sabit kesalahan. - K! ONLINE

